

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG

KAWASAN : ALOR GAJAH

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

NO. SOALAN : 64

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perkembangan NAP 2014 dalam membangunkan industri kereta "*Energy Efficient Vehicles*" atau EEV, serta apakah insentif-insentif yang diberikan kepada pengeluar kereta EEV tempatan dan galakkan kepada pembeli untuk menggunakan kenderaan EEV tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, kerajaan telah mensasarkan Malaysia dibangunkan sebagai hab serantau bagi segmen kenderaan bertenaga efisien, atau dengan izin, *Energy Efficient Vehicles* (EEV) melalui pelaburan strategik dan adaptasi teknologi tinggi oleh

syarikat-syarikat automotif untuk pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2020.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah strategik di bawah teras pelaburan NAP 2014, antaranya:

- i. pemberian Lesen Pengilang bagi kenderaan dalam kategori EEV bagi semua segmen kenderaan; dan
- ii. pemberian insentif istimewa (*customized incentive*) antaranya melalui pengecualian cukai pendapatan, geran R&D dan latihan, pengurangan cukai dan sebagainya bagi menarik pelaburan strategik dalam kategori kenderaan EEV dan sektor-sektor strategik utama supaya ekosistem automotif sedia ada dapat dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi. Antara sektor-sektor strategik utama adalah enjin, transmisi dan sistem kawalan, set dai dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous*.

Namun demikian, buat masa ini tiada insentif khusus diberikan kepada pengguna untuk membeli dan mengguna kenderaan EEV tempatan. Walau bagaimanapun, diharapkan dengan pemberian insentif-insentif kepada pengilang dalam mengeluarkan kenderaan EEV, secara tidak langsung dapat membolehkan para pengguna membeli kenderaan EEV dengan harga yang lebih murah.